KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

KKDW PERUNTUK LEBIH RM50 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN Di WILAYAH KEDA

PENDANG, 24 Mac – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDW memperuntukkan **RM50.716 juta untuk pelaksanaan 25 projek pembangunan infrastruktur, ekonomi dan modal insan** di Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, KEDA tahun ini. .

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata projek berkenaan termasuk sebelas projek prasarana bernilai RM30.5 Juta, enam projek ekonomi dan pertanian berjumlah RM8.45 Juta, lima projek pembangunan modal insan sebanyak RM8.875 Juta dan tiga projek usahawan dengan kos RM2.85 Juta

“KEDA turut memperuntukkan RM11.3 juta melalui sembilan program bantuan ekonomi dan keusahawanan yang memfokuskan kepada peniaga, petani dan usahawan “

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan program iftar Majlis Santunan Kasih Ramadan di Masjid Al- Falah, Felda Sungai Tiang di sini hari ini.

Pada majlis sama, Datuk Seri Zahid yang juga Menteri KKDW menyerahkan geran hak milik rumah PPRT Desa KEDA Teluk Teduri, Baling kepada 11 keluarga. melibatkan peruntukan sebanyak RM3 juta.

Turut disampaikan bantuan bagi Program bantuan Ekonomi dan Keusahawanan KEDA berjumlah RM2.585 Juta kepada wakil penerima.

Manakala peruntukan **RM75,000** diserahkan kepada wakil kepimpinan Jawatankuasa Pasukan Perancang dan Pelaksana Program (4P) Desa-Desa KEDA seluruh negeri Kedah bagi **Program Pengimarahan Masjid** sepanjang bulan Ramadan

Selain itu lima penerima **Program Agromakanan RISDA** menerima **bantuan berjumlah RM 100,000.**

Turut disampaikan **bantuan kelengkapan sekolah melalui Program `Welcome to School' sumbangan FELDA kepada 144 murid** di Zon Pendang, dengan jumlah **RM21,600**.

Tidak ketinggalan **sumbangan duit raya kepada 100 pelajar tahfiz, anak yatim, ibu tunggal dan guru agama** dengan jumlah keseluruhan **RM10,000.**

Dalam pada itu, hampir dua ribu masyarakat setempat diraikan di Majlis Santunan Kasih Ramadan di lokasi kelapan program anjuran KKDW ini..

Program Iftar yang memasuki tahun kedua penganjurannya ini untuk merapatkan ukhwah masyarakat desa bersama Kementerian dan agensi.

Majlis berikutnya akan diadakan di Kuala Langat, Selangor dan berakhir di Bagan Datuk, Perak

----------TAMAT----------

Disediakan Oleh
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
24 Mac 2024

Maklumat tambahan

Aktiviti penyerahan geran hak milik desa-desa KEDAh bermula sejak tahun 2015. Objektif penyerahan ini adalah untuk memberi hak milik persendirian lot-lot tapak rumah desa-desa Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) KEDA kepada peserta-peserta yang menduduki rumah berkenaan.

Keseluruhan terdapat 3,860 unit rumah di 44 penempatan PPRT KEDA. Sehingga kini, KEDA telah melaksanakan proses pindah milik sebanyak 1,515 unit kepada penduduk yang layak manakala baki 1,181 unit lagi akan dilaksanakan dari semasa ke semasa dengan peruntukan RM3 juta, KEDA menganggarkan 150 geran hak milik dapat diserahkan kepada pemiliknya.